

BAB 6: PENINGKATAN TAMADUN YUNANI DAN ROM

BAHAGIAN A Soalan Objektif

6.1 TAMADUN YUNANI

- 1 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah kawasan dalam Tamadun Yunani.

- Pusat komuniti
- Dilindungi oleh kubu
- Terdapat bangunan kerajaan dan keagamaan

Apakah kawasan tersebut?

- A Polis C Istana
B Agora D Acropolis

- 2 Masyarakat Tamadun Yunani menganggap setiap negara kota merupakan tanah suci yang dikurniakan Dewa.

Apakah kesan daripada anggapan tersebut?

- A Sistem pentadbiran sering berubah
B Penduduk terlibat dalam urusan pentadbiran
C Hubungan antara warganegara makin renggang
D Rakyat bersatu padu untuk mempertahankan negara kota

6.2 PENINGKATAN PEMERINTAHAN DAN PENTADBIRAN TAMADUN YUNANI

- 3 Jadual berikut menunjukkan sistem pemerintahan yang pernah diamalkan dalam Tamadun Yunani.

Sistem pemerintahan	Maksud
Oligarki	Pemerintahan yang dikuasi oleh sebahagian kecil golongan yang berkuasa.
X	Pemerintahan yang dikuasai oleh golongan bangsawan.

Apakah X?

- A Tirani
B Monarki
C Aristokrasi
D Demokrasi

- 4 Sebelum sistem demokrasi diamalkan, Athens telah melalui sistem pemerintahan bercorak monarki, oligarki, aristokrasi dan tirani.

Mengapakah berlaku perubahan tersebut?

- A Mengurangkan kuasa rakyat
B Mengelakkan perang saudara
C Memantapkan sistem pemerintahan
D Menghapuskan pemerintahan tradisional

- 5 Di Athens, Dewan perhimpunan merupakan badan pentadbiran yang tertinggi.

Apakah syarat yang mesti dipenuhi untuk menjadi anggota Dewan Masyarakat?

- I Lelaki
II Ahli Mahlis
III Gagah berani
IV Warganegara Athens
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 6 Maklumat berikut merupakan fungsi badan pentadbiran di Athens.

- Membuat perjanjian dengan negara lain
- Menerima duta asing
- Membuat deklarasi peperangan

Apakah badan pentadbiran tersebut?

- A Juri C Majestret
B Majlis D Dewan perhimpunan

- 7 Dewan perhimpunan di Athens merupakan badan pentadbiran yang tertinggi.

Apakah fungsi dewan tersebut?

- I Menggubal undang-undang
II Membincangkan hal kewangan
III Melaksanakan dasar-dasar kerajaan
IV Memberi nasihat kepada raja
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

8 Dalam sistem demokrasi Athens, Majlis dianggotai oleh 500 orang dan dikenali sebagai Majlis 500. Apakah peranan majlis?

- A Melantik ahli dewan perhimpunan
- B Mengawasi urusan Dewan Perhimpunan
- C Membuat aduan kepada Dewan Perhimpunan
- D Melaksanakan keputusan Dewan Perhimpunan

9 Di sparta, lima orang pegawai dilantik sebagai *ephors*.

Apakah *ephors*?

- A Mengetuai pentadbiran
- B Menggubal undang-undang
- C Memajukan ekonomi negara
- D Mengawal kuasa mutlak raja

10 Di sparta, anak lelaki diberi latihan tentera sejak kecil.

Mengapakah kerajaan Sparta mengambil langkah tersebut?

- A Melatih rakyat mentaati pemerintah
- B Memastikan kehidupan rakyat sihat dan cergas
- C Menyediakan rakyat untuk menakluki negara lain
- D Memastikan rakyat mampu mempertahankan negara

11 Kaum wanita di Sparta menjalani latihan fizikal dan diajar berlari serta bertinju.

Mengapakah mereka perlu berbuat demikian?

- A Membina jati diri
- B Mempertahankan negara
- C Menjaga maruah negara
- D Mengelakkan ancaman kaum lelaki

6.3 TAMADUN ROM

12 Senarai berikut menunjukkan tiga kelompok dalam masyarakat Tamadun Rom.

- *Patrician*
- *Plebian*
- Hamba

Apakah peranan golongan Plebian?

- | | |
|------------|--------------|
| I Petani | III Pendeta |
| II Peniaga | IV Pentadbir |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

13 Tamadun Rom mencapai kegemilangan pada era *Pax Romana* (27M-180M).

Apakah pencapaian Tamadun Rom pada era tersebut?

- A Keamanan empayar
- B Pembentukan republik
- C Pertambahan penduduk
- D Penyebaran agama

6.4 PENINGKATAN SENI BINA DALAM TAMADUN ROM

14 Tamadun Rom terkenal dengan kepakaran dalam bidang seni bina.

Apakah binaan Tamadun Rom yang terkenal sehingga kehari ini?

- | | |
|---------------|--------------|
| I colosseum | |
| II Phanttheon | |
| III Acropolis | |
| IV Zigurat | |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

15 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah binaan yang melambangkan keagungan Tamadun Rom.

- Binaan dimulakan oleh Raja Vespian
- Mempunyai tempat duduk penonton yang dibina bertingkat-tingkat
- Menjadi tempat mengadakan persembahan dan pertandingan bersaiz besar

Apakah binaan tersebut?

- A Pantheon
- B Colosseum
- C Akueduk
- D *Acropolis*

16 Colosseum merupakan binaan yang melambangkan keagungan Tamadun Rom.

Apakah binaan di Malaysia yang boleh disamakan dengan Colosseum?

- A Stadium Bukit Jalil
- B Menara Kuala Lumpur
- C Menara Berkembar Petronas
- D Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur

- 17 Gambar berikut menunjukkan binaan berkubah yang terbesar di dunia, iaitu Pantheon.



Apakah tujuan pembinaan bangunan tersebut?

- A Pusat pentadbiran
 - B Pusat perniagaan
 - C Tempat persembahan seni
 - D Tempat penyembahan dewa-dewi
- 18 Anfiteater dibina di seluruh empayar Rom berbentuk lingkaran dan mempunyai pelbagai saiz yang berbeza.

Apakah kegunaan anfiteater?

- A Pengairan
- B Pertahanan
- C Pertunjukan
- D Perdagangan

- 19 Dalam tamadun Rom, akueduk yang pertama dibina di Aqua Appia pada tahun 312SM.

Apakah fungsi akueduk?

- A Bekalan air
- B Rumah ibadat
- C Benteng pertahanan
- D Tempat persembahan

- 20 Tamadun Rom telah berjaya memperlihatkan keagungan senibina Tamadun mereka seperti Colosseum, Pantheon dan Akueduk.

Apakah iktibar yang boleh diperolehi daripada kejayaan masyarakat Tamadun Rom?

- I Kepakaran dalam seni bina
 - II Kekuatan angkatan tentera
 - III Kezaliman sistem pemerintahan
 - IV Sistem pendidikan yang praktikal
- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |